

Cerita Lengkap Berkenaan Penangkapan Lima Orang Pemimpin Algeria

(2)

Inilah cerita yang pertama disiarkan selengkapnya berkenaan kehidupan pada pejuang Algeria semenjak mereka itu diculik hingga ke hari ini. Cerita ini diambil daripada mulut mereka itu sendiri, bahagian yang pertama telah tersiar dalam ((Qalam)) bilangan 143 yang lalu dan bahagian ini ialah penutupnya.

(Diterjemah dan disusun oleh Muhammad Fauzi Haji Awang)

Mengapa Tak Percaya?

Algeria. Ketalalah kepada kami garisan-garisan komplot itu.

Kapal terbang berhenti. Pelayan keluar dari bilik pemandu kapal terbang. Dia menoleh kepada kami dengan suatu renungan yang tak akan kami lupai lalu berkata:

“Sekarang, tidakkah awak percaya kepada saya?

Tidakkah saya telah berkata kepada awak, di tapak tangan awak ada alamat bahawa awak tak akan sampai?”

Sedikit demi sedikit, ketaralah kepada kami segala-gaanya. Kami tercengang-cengang. Pintu kapal terbang dibuka. Kami berdiri depan pintu. Kelihatan di padang terbang berpuluhan-puluhan orang officer Perancis, lengkap dengan senjata. Seorang daripada mereka bersuara dengan gaya menghina:

“Selamat datang Ahmad bin Bilal, Presiden Republik Algeria yang merdeka. Kami telah beri kemerdekaan Algeria dan melantik awak jadi presidennya. Sila datang, menerima pangkat yang penting lagi dalam bahaya ini.”

Mereka memaksa kami turun dari kapal terbang dengan tidak menggunakan tangga. Kami melompat turun ke bumi, turun untuk menyerah kepada tentera Perancis supaya tangan kami dipasung dengan gari. Kami menoleh ke sekitar kami.

Ketahuilah kami bahawa kami sedang berada di padang terbang

Kami berjalan antara kumpulan tentera Perancis.

Mereka memaki dan mengejek akan tujuan dan perjuangan kami. Setelah sampai di luar kawasan pada terbang, kami dimasukkan ke dalam motokar menuju ke tempat askar di Algeria.

Tiap-fiap seorang daripada kami, dikawal oleh sepuluh buah kereta perisai Perancis. Setengah jam kemudian kami dibawa ke penjara (Barberousee) di mana kenduri perayaan telah sedia! Semuanya disediakan untuk menyambut kami.

Berbagai-bagi Penyeksaan

Mulailah berbagai-bagi penyeksaan yang tak putus-putus menimpa

kami. Kami tidur dalam bilik yang bertakung air kotor.

Mereka itu mencampak seketul roti kepada kami tiap-tiap hari. Roti yang telah hitam berulat, penuh dengan kuman-kuman.

Mereka sering kali meminta jawapan dari kami, secara perseorangan untuk mengetahui kerajaan manakah yang telah menyokong, memberi bantuan dalam pergerakan kami, siapakah yang turut serta dalam perjuangan itu, di manakah pusat perjuangan, siapakah nama-nama ketua di dalam Angkatan Kemerdekaan Algeria dan sebagainya. Jawapan kami

semuanya hanya ((diam)).

Setelah putus asa untuk mendapat keterangan dari kami, seorang ketua askar Perancis memerintah supaya kami dipindahkan ke penjara (La Santé) di Paris yang sedang menunggu kami. Penjara itu penuh sesak dengan pejuang-pejuang Algeria. Seolah-olah mereka hidup dalam dunia lain layaknya.

Setelah dipindahkan ke sana, kami berjaya menuarkannya menjadi sekolah. Kami mengajar menulis, membaca dan sejarah perjuangan Algeria untuk mencapai kemerdekaan kepada orang-orang dalam penjara yang terdiri daripada bangsa Algeria itu.

Dua tahun genap kami tinggal dalam penjara itu. Kami terasing sekali dengan dunia luar. Kami tak dibenarkan membaca surat khabar atau majalah serta tak dibenarkan berutus-utus surat dengan kaum keluarga atau berhubung dengan siapa sahaja yang di luar jaring penjara itu.

Meskipun begitu seorang wader , kadang-kadang membeli surat khabar untuk kami. Surat khabar itu diletakkan di tempat air. Kami masing-masing pergi ke sana bergilir-gilir untuk membacanya. Sesudah itu kami kembali semula ke dalam bilik penjara.

Komplot Hendak Membunuh Kami

Dalam penjara, kami merasa aneh sekali. Terdengar desas desus dan bisikan-bisikan, orang-orang Perancis yang berada di dalam penjara bersama-sama kami, mulai mengadakan kumpulan-kumpulan. Dan telah kelihatan tanda-tanda yang menunjukkan bahaya akan menimpa kami.

Setengah-setengah pejuang Algeria yang ada dalam penjara itu sudah pun mengetahui rahsia itu lalu menceritakan kepada kami supaya berjaga-jaga. Katanya komplot itu

sedang merancangkan untuk meniup api perkelahian antara orang-orang Perancis dan bangsa Algeria yang ada dalam penjara, akan mengadakan perkelahian-perkelahian yang menimbulkan pertempuran antara dua pihak. Pada waktu pertempuran itu berlaku, mereka akan menyerbu ke bilik kami yang berlima untuk menyembelih dan membunuh kami. Kemudian akan mengatakan kami semua terbunuh dalam pertempuran itu.

Inilah rancangan-rancangan yang telah dibuat. Rahsia ini dapat diketahui oleh orang Algeria yang di dalam penjara dari mulut pengawal jel sendiri. Rancangan-rancangan ini ditadbirkkan dengan pengetahuan orang-orang yang bertanggungjawab di luar penjara dan di dalamnya.

Rancangan-rancangan ini telah pun dilaksanakan sewaktu berlakunya kacau bilau di antara orang-orang tahanan bangsa Perancis dengan bangsa Algeria. Tetapi kami semuanya telah bersiap sedia untuk menghadapai segala kemungkinan.

Tiap-tiap bangsa Algeria yang ada di dalam penjara itu, menyerbu kepada orang-orang Perancis, lalu memukul mereka seberapa yang dapat. Alat senjata yang digunakan dalam pertempuran itu ialah kayu, tongkat, botol-botol dan apa sahaja yang tercapai oleh tangan. Beberapa orang berdiri di hadapan bilik kurungan kami untuk menjaga keselamatan kami. Dunia sudah pun mengetahui tentang pertempuran yang berlaku di penjara (La Santé) itu.

Ke Pulau “La Cocos”

Tak sampai 15 hari, selepas pertempuran itu belaku, kami dipindahkan ke Pulau “La Cocos” iaitu sebuah pulau yang mengambil masa perjalanan selama 11 jam dari Paris tempat kami tinggal lebih dari dua tahun.

Tujuan kami dipindahkan ke pulau itu ialah untuk mengelakkan kami dari segala marabahaya. Tetapi komplot itu telah berpindah juga ke pulau itu, malah mereka lebih dahulu lagi dari kami.

Pada suatu malam, beberapa orang tentera Perancis telah menyerbu ke tempat kami. Sedang kami semuanya lena tidur. Mereka itu masuk melalui pintu rumah, rumah tempat kami di kepung. Mereka masuk berterang-terang di hadapan mata pengawal. Mereka memerintah kami turun segera dari rumah dengan alasan mereka menerima perintah supaya memindahkan kami ke tempat lain.

Tetapi kami mengatakan bahawa mereka ialah komplot jahat, lalu kami meminta penjaga penjara menangkap mereka. Akhirnya terpaksa penjaga penjara menerima

permintaan kami,

Pasukan Payung Terjun

Tak sampai sebulan kemudian, selepas kejadian itu berlaku, seorang daripada peguam kami telah berhubung dengan kami menyampaikan berita bahawa suatu komplot yang lebih besar lagi sedang diarahkan untuk menculik kami. Rancangan itu ialah suatu pasukan tentera payung terjun akan turun di atas bumbung rumah tempat kami tinggal, kemudian kami akan dibawa dengan helikopter ke tempat yang mereka telah tetapkan.

Hal ini, kami sampaikan kepada ketua pengawal, menceritakan tentang komplot itu dan memberi ketegasan kepadanya bahawa kami telah mengetahui rahsianya dan dunia akan tahu satu persatu, sekiranya rancangan itu berlaku.

Setelah dua kejadian ini berlaku, keadaan kami sedikit demi sedikit mulai baik. Mereka bersikap baik terhadap kami. Kami dibenarkan membaca akhbar dan majalah. Sebuah radio kecil diletakkan dalam rumah tempat kami tinggal.

Kami mulai mengutuskan surat kepada keluarga. Tetapi dengan syarat surat-surat itu diserahkan ke tangan mereka dengan terbuka, dan isi kandungan hanyalah di sekitar bertanya khabar dan memberi ucap selamat. Sebenarnya separuh surat-surat itu tidak sampai ke tangan orang yang dikirim.

Beberapa kali kami telah mogok tidak mahu makan, setelah kami dengar bahawa mereka bersikap jahat terhadap orang-orang tahanan berbangsa Algeria di dalam beberapa buah penjara. Ketika kami mogok lapar itu penjagaan terhadap kami berlipat ganda. Bilangan tentera yang menjaga

BUKU2 RUMI

*Pendidikan	\$1.20
*Akhlak	1.20
*Surat Menyurat	1.50
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang				2.00
Penglipor	1.50
Panduan Pekedai2 Kechil				0.70
Balek Dari Medan Perjuangan				1.00
*Jalan ka-Kota Baharu		1.50
Keris Sempena Riau		1.00
Tinjaun Sastera Tanah Ayer		1.50
Sisa Neraka Dunia		1.00
Buku A.BC. (buku bachaan) di-dalam-nya tiga warna.				

*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.

QALAM,
356/358, GEYLANG ROAD,
SINGAPORE 14.

berlipat ganda. Askar yang berjumlah 500 telah digandakan lagi menjadi 1500 untuk menjaga hanya 5 orang yang ditahan.

Perundingan

Ketika hampir diadakan perundingan "Evian" antara Perancis dengan kerajaan sementara Algeria dahulu, keadaan kami telah berubah.

Mereka memindahkan kami ke rumah besar ini. Fahamlah kami bahawa mereka mencerahkan kebaikan itu ialah kerana mereka bertujuan hendak melonggarkan syarat-syarat dan permintaan kami, tetapi semuanya itu, tidak mengubahkan sikap kami sedikit pun. Kami menolak tawar menawar dalam hidup kami.

Sewaktu mengadakan perundingan itu, wakil-wakil Algeria tidak berganjak daripada permintaan kami. Oleh itu fahamlah Perancis bahawa memindahkan kami ke rumah besar (Tir Kan) ini, dan bersikap baik terhadap kami, tidak memberi sedikit pun kesan kepada kami.

Setelah itu dikeluarkan perintah sekali lagi supaya mengubah sikap terhadap kami, dan mulailah berbagai-bagi kesusahan berlaku semula sehingga masing-masing di antara kami tidak dapat hendak berjalan selangkah pun dengan tidak ada pengawal yang bersenjata setiap masa. Kekejaman dan kekerasan pun berlaku semula terhadap kami. Tetapi kami tidak gentar dan tidak undur dari tuntutan kami.

* * *

Sebulan genap Puan Zahrah dan anak-anaknya menghabiskan masa bersama-sama dengan suaminya Muhammad Khidir, pemimpin Algeria itu. Hanya dua kali sahaja dia keluar mengunjungi iparnya di rumah sakit.

-----oOo-----

"Dunia Hari Ini"

Hari ini

Orang cerdik-cerdik,

Fikiran tajam-tajam

Kelulusan tinggi-tinggi,

Rumah dibangun tinggi melangit

Bulan – bintang selangkah perjalanan

Setiap detik menjadi hitungan

Dunia diputar untuk kemajuan

Tanpa peduli pada budi

Tanpa peduli hukum agama

Lapuk basi kononnya

Yatimlah dia di zaman ini,

Masjid – surau semua dibaiki

Tanpa mengira judi – loteri

Yang perlu hanya perubahan

Apakah ini tak dimurkai Tuhan?

-Hashim

Maktab Perguruan Islam Kota Baharu,

pada 10 haribulan Mei 1962